

# Beri lesen khidmat keperluan jemaah haji

UTUSAN MALAYSIA 05/11/2023 NIS:30

**Jeddah:** Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi membuka permohonan kepada syarikat mendapatkan lesen bagi menawarkan perkhidmatan penyediaan keperluan jemaah haji warga asing.

Langkah kementerian itu bertujuan memperkaya pengalaman keseluruhan individu yang melaksanakan Rukun Islam kelima itu pada musim akan datang.

Permohonan akan diterima sehingga 5 Disember melalui platform elektronik khusus: <https://ehaj.haj.gov.sa>.

Inisiatif itu mencerminkan dedikasi kementerian untuk meningkatkan perkhidmatan jemaah haji dan memupuk daya sa-

ing yang berkesan dalam bidang berkenaan.

Memetik laporan Saudi Gazette, Setiausaha Kementerian Haji dan Umrah bagi Hal Ehwal Haji, Ayed Algwinm, berkata matlamat inisiatif itu bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada jemaah asing.

“Usaha itu bertujuan meluaskan rangkaian perkhidmatan disediakan untuk jemaah haji dan meningkatkan pengalaman keseluruhan mereka ketika musim haji akan datang,” katanya.

Algwinm berkata, peningkatan penyertaan syarikat khusus dalam sektor itu akan menyumbang kepada pencapaian objektif kementerian dan memenuhi pel-

bagai keperluan serta harapan jemaah haji dari pelbagai lokasi.

## Prosedur, garis panduan

Syarikat yang berminat untuk mendapatkan lesen untuk berkhidmat kepada jemaah haji asing boleh memohon melalui platform elektronik, mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan kementerian.

Kementerian menekankan kepentingan menyampaikan perkhidmatan berkualiti tinggi berdasarkan klasifikasi komprehensif yang mengambil kira aspek kuantitatif dan kualitatif.

Klasifikasi itu merangkumi pelbagai perkhidmatan termasuk penginapan, makan, pe-

ngangkutan dan menangani keperluan khas jemaah haji.

Kementerian menggalakkan syarikat yang berminat untuk mengemukakan permohonan mereka sebelum tarikh akhir yang ditetapkan dan mematuhi piawaian yang digariskan dalam dokumen tender.

Dengan memastikan patuhan kepada syarat dan spesifikasi yang ditetapkan kementerian, matlamatnya adalah untuk menyediakan perkhidmatan cemerlang yang meningkatkan pengalaman ziarah, menjadikannya perjalanan yang tersendiri dan tidak dapat dilupakan bagi jemaah yang melawat Tanah Suci.

AGENSI